




Joy of Reading Aktiviti Susulan

Tadika 2



Amalan Sifar-Sisa Makanan

Pembaziran makanan boleh dicegah.
Mari membuat poster menggalakkan
Amalan Sifar-Sisa Makanan.

Apa yang boleh dilakukan bersama anak anda:

Bahan-bahan yang diperlukan:

1. Alat tulis dan mewarna
2. Kertas lukisan

1. Berbual bersama anak anda tentang kepentingan mengurangkan dan mencegah pembaziran makanan.
2. Bersama anak anda, fikirkan beberapa cara bernes yang boleh digunakan untuk menggalakkan amalan sifar-sisa makanan.

Contoh

- Beli, pesan atau masak makanan yang diperlukan sahaja.
- Jadikan lebihan makanan sebagai menu baharu.
- Kongsi makanan bersama jiran dan orang-orang sekeliling.
- Adakan Kempen Amalan Pinggan-Bersih.

3. Mengajak anak anda membuat sebuah poster yang bertajuk - Amalan Sifar-Sisa Makanan. Poster ini boleh dipamerkan didalam rumah sebagai peringatan kepada keluarga untuk bersama mengurangkan dan mencegah pembaziran makanan.
4. Menggalak anak anda berkongsi cara-cara lain untuk memastikan amalan baik ini berterusan.

Objektif:

- Menyedari kepentingan mengurangkan dan mencegah pembaziran makanan di Singapura.
- Mengetahui cara-cara mengurangkan dan mencegah pembaziran makanan.



Nota untuk ibubapa:

Menjemput anak anda menjadi duta Sifar-Sisa Makanan dirumah. Anak anda akan memastikan tiada pembaziran makanan pada setiap waktu makan.

Berkreatif Dengan Bahan Kitar Semula



Bahan-bahan yang diperlukan:

1. Bahan-bahan kitar semula yang terdapat dirumah
2. Pita pelekat
3. Pena penanda yang pelbagai warna
4. Gunting
5. Majalah terpakai

Objektif:

- Mengekspresikan idea serta perasaan melalui aktiviti kraf/ seni.
- Membentuk sikap positif terhadap amalan mengitar semula.

Mari berkreatif membina rekaan pokok 3-Dimensi!

Apa yang boleh dilakukan bersama anak anda:

1. Bersama anak anda, cari bahan-bahan yang boleh dikitar semula yang ada di dalam rumah.
2. Susun bahan-bahan tersebut mengikut warna-warna yang ada.
3. Berbual bersama anak anda tentang pelbagai cara mengitar semula bahan-bahan yang telah disusun.
4. Menggalak anak anda membuat rekaan pokok 3-Dimensi menggunakan bahan-bahan kitar semula.
5. Cari dan gunting beberapa gambar haiwan dari majalah terpakai dan letakkan di atas rekaan pokok yang dibina.
6. Mengajak anak anda bermain dengan pokok 3-Dimensi dan gambar-gambar haiwan bersama-sama.



Nota untuk ibubapa:

Mengajak anda meneroka cara-cara kreatif menggunakan bahan-bahan kitar semula untuk dijadikan rekaan yang berbeza.